

13/07/2002

Siasatan memuaskan (HL)

Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap kes penyelewengan syarikat keluli, Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja), selepas mendapat kerjasama pihak berkuasa Switzerland memuaskan, kata Ketua Pengarahnya, Datuk Zulkifli Mat Noor.

"Apa yang boleh saya katakan sekarang, kerjasama yang diperoleh daripada pihak berkuasa di Switzerland bulan lalu adalah menggalakkan," katanya, tetapi enggan mengulas lanjut.

Beliau, yang dihubungi di sini hari ini ditanya mengenai perkembangan terkini siasatan kes berkenaan, selepas sebulan perbincangan dengan Pejabat Kehakiman Persekutuan (FOJ) Switzerland, termasuk sama ada dokumen serta keterangan saksi yang diperlukan sudah diperoleh.

Perbincangan pada 12 Jun lalu turut dihadiri Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, Timbalan Ketua Pengarah (1) BPR Datuk Mohd Zawawi Nordin dan Pengarah Siasatannya, Datuk Nordin Ismail.

Ramai berharap kesediaan pihak berkuasa Switzerland membantu BPR dapat menyelesaikan siasatan kes berkenaan, yang mula difailkan sejak 1996 selepas laporan mengenainya diterima pada 1980.

Zulkifli berkata, bukti kukuh diperlukan dalam siasatan Perwaja untuk memastikan BPR dapat bertindak lanjut untuk membawa kes itu ke mahkamah.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan kerjasama yang diberikan Kerajaan Switzerland akan membantu BPR menyiasat beberapa kes lain.

BPR sebelum ini dikatakan menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat berhubung deposit wang yang disyaki diperoleh secara tidak sah kerana Switzerland mempunyai undang-undang rahsia perbankan yang ketat.

Bagaimanapun, lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu bulan lalu membawa perkembangan positif terhadap siasatan kes Perwaja apabila pihak berkuasa Switzerland membuat keputusan untuk memberi kelonggaran dalam kes tertentu yang membabitkan kegiatan jenayah dan rasuah.

Dalam lawatan itu Dr Mahathir diberi jaminan mengenai kesediaan Switzerland untuk membantu pihak berkuasa Malaysia mendapat maklumat daripada bank negara itu mengenai mana-mana deposit wang yang disyaki diperoleh secara haram, termasuk berhubung kes Perwaja.

Isu Perwaja terbongkar selepas syarikat audit, Coopers and Lybrand mengeluarkan laporan mengenai ketidakupayaan syarikat pengeluar besi keluli itu membayar hutang.

BPR turut mengesahkan wang berjumlah RM76.4 juta dibayar oleh Perwaja kepada tiga pihak asing membabitkan dua syarikat Jepun dan sebuah firma perunding.

Selain itu, BPR mengesan wang berkenaan dimasukkan ke akaun sebuah syarikat berdaftar di British Virgin Island selepas dikeluarkan dari negara ini ke Hong Kong, Jepun dan ke dalam akaun bank di Switzerland.

Perwaja menanggung beban hutang dan kerugian RM10 bilion, membabitkan tanggungan semasa berjumlah RM926 juta, tanggungan jangka panjang RM6.013 bilion, manakala kerugian terkumpul pula berjumlah RM2.985 bilion sebelum diswastakan kepada Maju Holdings Sdn Bhd yang kini menguasai 51 peratus ekuiti dalam Perwaja Terengganu Sdn Bhd.